



UPM lepas 25,000 benih ketam bunga, perkasa ekonomi nelayan dan kelestarian sumber marin di Port Dickson



Oleh: Noor Eszereen Juferi
Foto Oleh: Saleha Haron

PORT DICKSON, 24 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM) melepaskan 25,000 benih ketam bunga di perairan Port Dickson hari ini sebagai usaha memulihkan stok spesies bernilai tinggi bagi meningkatkan hasil tangkapan nelayan, memperkukuh ekonomi komuniti pesisir serta menyokong agenda keterjaminan makanan negara.

Inisiatif menerusi PUTRA Marine-Care: Program Restorasi Stok dan Kelestarian Ketam sempena Bulan Sinergi Putra UPM 2026 itu dilaksanakan hasil kerjasama strategik antara Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-AQUAS), UPM dengan Jabatan Perikanan Malaysia, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta Persatuan Nelayan Negeri Sembilan. Kerjasama tersebut bertujuan memperkukuh pengurusan sumber marin secara lestari melalui pendekatan berasaskan penyelidikan dan pemuliharaan.



Melalui kepakaran Unit Hatcheri I-AQUAS, sebanyak 20,000 benih ketam bunga dilepaskan di kawasan pantai I-AQUAS hari ini, manakala baki 5,000 benih dilepaskan di lokasi lain sekitar perairan Port Dickson.

Selain itu, program pembenihan dan pelepasan semula ini bertujuan memulihkan populasi ketam bunga serta memastikan kelestarian stok spesies berkenaan di perairan negara untuk manfaat generasi akan datang.

Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), UPM, Mohamad Sabrie Mohamad Salleh, berkata program berkenaan membuktikan komitmen UPM sebagai universiti penyelidikan yang memastikan hasil penyelidikan diterjemahkan kepada manfaat nyata kepada masyarakat.

“Hasrat universiti adalah memastikan penyelidikan yang dihasilkan tidak terhenti di makmal, sebaliknya dimanfaatkan oleh komuniti. Program seperti ini membuktikan penyelesaian berasaskan sains mampu meningkatkan ekonomi masyarakat, memulihkan sumber marin dan menyokong keterjaminan makanan negara,” katanya.

Beliau berkata, kejayaan pelaksanaan projek restorasi ketam di sebelum ini menunjukkan pendekatan tersebut berupaya meningkatkan populasi ketam dan hasil tangkapan nelayan menjadi asas kepada peluasan program ke Negeri Sembilan.



“Ini merupakan inisiatif jangka panjang yang bukan sahaja membantu meningkatkan pendapatan komuniti nelayan, malah memperkukuh agenda pertanian serta pengurusan sumber marin negara secara mampan,” katanya.

Pengarah I-AQUAS, UPM, Prof. Dr. Ahmad Zaharin Aris berkata, program tersebut menjadi platform memperkukuh kerjasama antara universiti, agensi kerajaan dan komuniti dalam membangunkan sektor akuakultur negara melalui penyelidikan dan inovasi.

“Sempena Bulan Sinergi Putra 2026 hasrat utama kita ialah memastikan penyelidikan UPM memberi impak terus kepada masyarakat. Program ini menghubungkan kepakaran universiti dengan keperluan komuniti menerusi penyelesaian berasaskan sains yang boleh dilaksanakan,” katanya.

Tambah beliau, ketam bunga merupakan antara spesies perikanan yang mempunyai nilai pasaran tinggi dan menjadi sumber pendapatan penting kepada komuniti nelayan.

“Program ini bukan sekadar melepaskan benih ketam, tetapi membangunkan model ekonomi kitaran yang mampan. Kita berharap usaha ini dapat meningkatkan populasi ketam, menambah hasil pendaratan, memperkukuh ekonomi komuniti nelayan dan mengekalkan keseimbangan ekosistem marin di Port Dickson,” katanya.

Dalam pada itu, program PUTRA Marine-Care membuktikan peranan universiti bukan sekadar sebagai pusat pengajian tinggi dan penyelidikan, malah sebagai rakan strategik dalam membangunkan penyelesaian berasaskan sains yang memberi impak langsung kepada kesejahteraan komuniti, kelestarian sumber marin dan keselamatan makanan negara.



Selain pelepasan benih ketam bunga, program itu turut menampilkan demonstrasi penangkapan ketam secara lestari serta penerangan mengenai model ekonomi kitaran yang menggalakkan penggunaan tong kitar semula dalam aktiviti komuniti.

Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan Port Dickson, Nur Akmar Yaacob, berkata program tersebut memberi manfaat besar kepada komuniti nelayan kerana membantu memulihkan sumber perikanan yang menjadi punca rezeki mereka.

“Jika dilaksanakan secara berterusan usaha ini akan membantu memastikan bekalan ketam lebih stabil, mengurangkan kebergantungan kepada musim dan meningkatkan pendapatan nelayan di samping memelihara kelestarian sumber laut,” katanya.

Baghi nelayan Port Dickson, Mohd. Jamil Mohd. Noor, inisiatif UPM itu telah mula menunjukkan kesan positif terhadap penerus tangkapan.

“Kami menyokong penuh usaha ini kerana dapat melihat sendiri perubahan yang berlaku. Populasi ketam semakin bertambah, pembiakannya semakin baik dan hasil tangkapan kami kini boleh mencecah sekitar empat hingga lima kilogram,” katanya.

Other News

 [UPM, National Taiwan Universit...](#)
[Read more »](#)

 [UPM cungkil bakat matemati...](#)
[Read more »](#)

 [Unity Fest satukan mahasiswa...](#)
[Read more »](#)

 [UPM Perkasa Pelajar Sekolah...](#)
[Read more »](#)

 [UPM anjur Program Zakat...](#)
[Read more »](#)

 [Young Scientist Day 2026 lahirka...](#)
[Read more »](#)

News Archive

Latest

Year

- 2026
- 2025
- 2024
- 2023
- 2022
- 2021
- 2020
- 2019
- 2018
- 2017



Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

- News
- Article
- Video
- UPM in the News
- Document

Contact Us

[Feedback](#)

Others

- [UPM Holdings](#)
- [UPM Plate Number](#)
- [Give to UPM](#)
- [Tender and Contracts](#)
- [Ministry of Higher Education](#)
- [UPM AI HUB](#)
- [Sustainability@UPM](#)